KANDUNGAN

	Muka Surat
Senarai Rajah	i
Senarai Jadual	iv
Senarai Kata Singkatan	v
1. Pendahuluan	1
1.1 Dasar Alam Sekitar Negara	2
1.2 Misi, Visi, Objektif Jabatan	3
1.3 Fungsi	4
1.4 Strategi	4
1.5 Pra Kata Pengarah	7
2. Bahagian Operasi	9
2.1 Kawalan Dan Penguatkuasaan Punca Tetap	10
2.1.1. Tindakan Penguatkuasaan	11
2.1.2. Rondaan OMPT	12
2.2 Unit Aduan Dan Kontigensi	16
2.2.1. Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) Dan Hotspot	18
2.2.2. Kontigensi	20
2.2.3. Pembangunan Program Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu	21
2.3 Unit Mahkamah	24
2.4 Jas Cawangan Teluk Intan	25
2.5 Jas Cawangan Taiping	27
2.5.1 Tren Pemeriksaan Bagi Tahun 2022-2023	27
2.5.2 Tindakan Penguatkuasaan Yang Diambil	28
2.5.3 Operasi Bersepadu	29
2.5.4 Tren Kategori Aduan Diterima Oleh Jas Taiping	30
2.5.5 Tren Kerja-kerja Lain	30
2.6 Jas Cawangan Gopeng	31
2.6.1 Unit Kenderaan Bermotor	31
3. Bahagian Pembangunan	38
3.1 Unit Lesen PYDT/KB19/LP	39
3.1.1 Kebenaran Bertulis Di Bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974	39
3.1.2 Lesen Di Bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974	40
3.1.3 Lesen Pelanggaran	42
3.1.4 Kelulusan Bertulis	43
3.2 Unit Post EIA	43
3.3 Unit EIA/ISO/GIS	47
3.4 Unit Input Pembangunan	49
3.5 Unit Pendidikan Dan Pengawasan	52
3.5.1 Aktiviti Aktiviti Pendidikan	53
3.5.1.1 Ceramah Alam Sekitar	53
3.5.1.2 Pameran Alam Sekitar	55
3.5.1.3 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023	57
3.5.1.4 Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2023	60
3.5.1.5 Sambutan Hari Bumi Sedunia Di Negeri Perak	61
3.5.1.6 Sambutan Hari Ozon Sedunia Di Negeri Perak	63
3.5.1.7 Sambutan Program Pengumpulan Bee / E-waste Bersama Kerajaan Negeri	64
3.5.2 Pengawasan Alam Sekitar	65
3.5.2.1 Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP)	65
3.5.2.2 Program-program Yang Dijalankan Berkaitan Pengawasan Kualiti Air Tanah	70
3.5.2.3 Pengawasan Kualiti Air Marin	75
3.5.2.1 Pengawasan Kualiti Air Sungai	78
4. Pentadbiran Dan Kewangan	84
4.1 Pengurusan Pentadbiran Dan Sumber Manusia	84
4.2 Pengurusan Kewangan	88
5. Penutup	90

SENARAI RAJAH

Rajah 1 Lokasi Pejabat JAS Perak dan Cawangan 5

Rajah 2 Perbandingan bilangan pemeriksaan PYDT, PYBDT dan IWK bagi Tahun 2022 & Tahun 2023. 11

Rajah 3 Perbandingan bilangan tindakan penguatkuasaan Tahun 2022 & Tahun 2023 12

Rajah 4 Pegawai JAS memeriksa kawasan PT 14

Rajah 5 Pihak bomba memadam pembakaran hasil aduan daripada rondaan (OMPT). 14

Rajah 6 Pemeriksaan aduan di kilang memproses plastik terpakai 15

Rajah 7 Persampelan efluen dijalankan berdasarkan aduan. 15

Rajah 8 Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut daerah pada tahun 2023 17

Rajah 9 Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut Jenis Pencemaran Bagi Tahun 2023 17

Rajah 10 Trend Bilangan Aduan yang diterima Dari Tahun 2019 Sehingga Tahun 2023 18

Rajah 11 Bilangan hotspot yang diterima mengikut daerah bagi tahun 2021-2023 19

Rajah 12 Jenis dan aktiviti di lokasi hotspot pada tahun 2021-2023 19

Rajah 13 Bilangan Aduan/Kes Kontigensi di Negeri Perak pada Tahun 2023 20

Rajah 14 Kemalangan Kenderaan di Lebuhraya PLUS 21

Rajah 15 Kes Pencemaran Minyak Di Laut 21

Rajah 16 Seminar Pencegahan Pembakaran Terbuka 22

Rajah 17 Program Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka 23

Rajah 18 Majlis Penyerahan Lesen Kilang Kelapa Sawit Tahun 2023 23

Rajah 19 Pertandingan Mewarna Peringkat Tadika dan Sekolah Rendah Sempena Hari Ozon Sedunia Tahun 2023 23

Rajah 20 Pemeriksaan JAS Teluk Intan 2022-2023 25

Rajah 21 Trend Tindakan Pemeriksaan 2022-2023 26

Rajah 22 Data Tren Pemeriksaan bagi Tahun 2022-2023. 27

Rajah 23 Data Tren Tindakan Penguatkuasaan bagi Tahun 2022-2023 28

Rajah 24 Data Operasi Bersepadu bagi tahun 2022-2023. 29

Rajah 25 Tren Kategori Aduan Diterima bagi Tahun 2022-2023 30

Rajah 26 Tren Kerja-Kerja Lain bagi tahun 2022-2023. 31

Rajah 27 Operasi Statik Penguatkuasaan Pelepasan Kenderaan Berenjin Diesel Bersama Agensi Penguatkuasa 32

Rajah 28 Operasi Kenderaan Petrol 33

Rajah 29 Ops gerak bersepadu gas motosikal 34

Rajah 30 Ops gerak bersepadu bunyi bising motosikal 35

Rajah 31 Perbandingan Ops Tahun 2022 vs Tahun 2023 Untuk Penguatkuasaan 36

Rajah 32 Tindakan Penguatkuasaan Kompaun bagi Tahun 2022 vs Tahun 2023 36

Rajah 33 Tindakan Penguatkuasaan Notis bagi Tahun 2022 vs Tahun 2023 37

Rajah 34 Tindakan Penguatkuasaan bagi Tahun 2022 vs Tahun 2023 37

Rajah 35 Pecahan permohonan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 mengikut jenis industri di Negeri Perak bagi Tahun 2023 39

Rajah 36 Pecahan permohonan berkaitan lesen Seksyen 18 mengikut jenis industri di Negeri Perak bagi Tahun 2023 41

Rajah 37 Peratusan pematuhan pada tahun 2023 44

Rajah 38 Tindakan penguatkuasaan bagi projek EIA 2023. 44

Rajah 39 Lawatan Kerja YBhg KSU NRECC Ke Loji Kumbahan JPP Papan, Lahat 45

Rajah 40 Pemeriksaan Tapak Pelupusan Sampah bersama Jabatan Audit Negara 45

Rajah 41 Pemeriksaan bersama JAS Ibupejabat projek perlombongan lanthanide di Gerik 46

Rajah 42 Bilangan Laporan EIA Mengikut Aktiviti Yang Ditetapkan 48

Rajah 43 Lawatan tapak bersama agensi 52

Rajah 44 Ceramah yang disampaikan kepada Universiti Teknologi Petronas (GGM) dan Property Management & Maintenance (PMM) dengan konsep Promoting Change, Erasing Emission: Our Journey to Low Carbon Campus 53

Rajah 45 Pameran Bersempena Karnival Pendidikan & Hari Terbuka SK Jalan Pegoh 55

Rajah 46 Pameran Sempena Minggu Alam Sekitar Carsem (M) Sdn. Bhd 56

Rajah 47 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 di Kolej Vokasional Kuala Kangsar bertemakan "Beat The Plastic". 58

Rajah 48 Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa Bercemar Duli Menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Bertempat Di Dewan Perbandaran Taiping 59

Rajah 49 Ceramah disampaikan kepada pelajar-pelajar SMK Dato' Abdul Rahman Yaakub tentang Kesedaran Alam Sekitar & Promosi Sekolah Lestari sempena sambutan WED 2023 di Negeri Perak Darul Ridzuan 61

Rajah 50 Kempen "No Single Use Plastic" Sempena Hari Bumi 2023 di Bazar Ramadhan Stadium Indera Mulia, Ipoh. 62

Rajah 51 Pertandingan Mewarna Peringkat Tadika Dan Sekolah Rendah 63

Rajah 52 Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Udara, 2023 66

Rajah 53 Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Air Sungai 2023 67

Rajah 54 Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Air Marin 2023 68

Rajah 55 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen Tambun 70

Rajah 56 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Jalong 71

Rajah 57 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Jalong 72

Rajah 58 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Gopeng 73

Rajah 59 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Batu Gajah 74

Rajah 60 Taburan Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin di Negeri Perak, 2023 76

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Alamat Pejabat JAS Negeri dan Cawangan 6

Jadual 2 Pembahagian Unit Mengikut Kawasan Parlimen 10

Jadual 3 Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang Tahun 2022 dan 2023 11

Jadual 4 Kategori dan bilangan permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, AKAS 1974 39

Jadual 5 Kategori dan bilangan permohonan lesen di bawah Seksyen 18, AKAS 1974 40

Jadual 6 Jenis lesen yang telah dikeluarkan ke atas kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di Negeri Perak bagi Tahun 2023 41

Jadual 7 Bilangan ulasan input pembangunan yang dikeluarkan oleh JAS Negeri Perak bagi tahun 2023 50

Jadual 8 Senarai Ceramah 2023 54

Jadual 9 Senarai Pameran 2023 57

Jadual 10 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 59

Jadual 11 Senarai program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2023 60

Jadual 12 Senarai program sempena sambutan Hari Bumi 2023 di Negeri Perak Darul Ridzuan 62

Jadual 13 Senarai program sempena sambutan Hari Ozon 2023 di Negeri Perak Darul Ridzuan 64

Jadual 14 Bilangan Stesen Pengawasan Alam Sekitar di Negeri Perak 65

Jadual 15 Bilangan Persampelan Manual Tahun 2023 69

Jadual 16 Parameter Kualiti Air Marin 2 77

Jadual 17 Senarai Lembangan Sungai dan Sungai-sungai yang dipantau, 2023 80

Jadual 18 Parameter-Parameter Pengukuran Kualiti Air Sungai 81

Jadual 19 Data Indeks Kualiti Air(IKA) Sungai 2023 83

SENARAI KATA SINGKATAN

JAS	-	JABATAN ALAM SEKITAR
DASN	-	DASAR ALAM SEKITAR NEGARA
PYDT	-	PREMIS YANG DITETAPKAN
PYBDT	-	PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN
SPK	-	SISTEM PENGOLOHAN KUMBAHAN
IWK	-	INDAH WATER CONSORTIUM
POK	-	PENAHANAN OPERASI KELENGKAPAN
OMPT	-	OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA
PTO	-	PELAN TINDAKAN OPERASI
PBT	-	PIHAK BERKUASA TEMPATAN
PK	-	PEWAKILAN KUASA
ASMC	-	ASEAN SPECIALISED METEOROLOGICAL CENTER
TPR	-	TIMBAHAN PENDAKWARAYA
NFA	-	NO FUTHER ACTION
KUS	-	KEMAS UNTUK SIMPAN
KUS	-	AKTA KUALITI ALAM SEKITAR
AKAS	-	AKTA KUALITI ALAM SEKILILING
SPEP	-	SISTEM PENGOLOHAN EFLUEN PERIMDUSTRIAN
LRK	-	LOJI RAWATAN KUMBAHAN
GAM	-	GETAH ASLI MENTAH
ANMS	-	AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT
PMM	-	PROPERTY MANAGEMENT AND MAINTAINACE
KM	-	KEBENERAN MERANCANG
EIA	-	ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT
APC	-	ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
NRECC	-	NATURAL RESOURCE ENVIRONMENTAL CLIMATE CHANGE
KKS	-	KILANG KELAPA SAW
OSC	-	ONE STOP CENTER

1.PENDAHULUAN

Pada 15 April 1975, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menubuhkan Jabatan Alam Sekitar. Bahagian Alam Sekitar kemudiannya ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada Mac 1976. Berdasarkan kepada kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, tanggal 1 September 1983, Bahagian Alam Sekitar telah dinaikkan taraf ke sebuah Jabatan sepenuhnya dan dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak (JAS Perak) ditubuhkan pada bulan Julai 1985 dan dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar terjamin. Tiga pejabat Jabatan Alam Sekitar telah ditubuhkan untuk memenuhi polisi Dasar Alam Sekitar Negara dan menyokong pembangunan lestari dan mampan di negeri Perak, iaitu;

- Pejabat JAS Cawangan Taiping yang telah ditubuhkan pada 2 Januari 2006,
- Pejabat JAS Cawangan Teluk Intan telah ditubuhkan pada 12 Mei 2007,
- Pejabat JAS Gopeng telah ditubuhkan pada 7 Oktober 2010

Jabatan Alam Sekitar ini bertanggungjawab memastikan pembangunan lestari dalam proses kemajuan negara dan memastikan alam sekitar sentiasa bersih, sihat dan selamat untuk kesejahteraan rakyat. JAS juga berperanan sebagai pembangunan minda masyarakat kearah kesedaran penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar secara berterusan. Pelaksanaan aktiviti dan program alam sekitar di Negeri Perak berasaskan konsep pembangunan lestari, yang mengutamakan keseimbangan pembangunan fizikal dengan pemuliharaan alam sekitar. Membangunkan suatu pelan yang menyeluruh untuk mempromosikan agenda "Perak Bumi Lestari" bersama-sama dengan komitmen kerajaan negeri Perak untuk menjadi peneraju dalam kelestarian sumber dan alam sekitar.

1.1 DASAR ALAM SEKITAR NEGARA

Dasar alam sekitar negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Tujuan DASN adalah untuk mencapai; (1) Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan, (2) Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat, dan (3) Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Terdapat lapan (8) prinsip di bawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu:

1. Pengawasan Alam Sekitar
2. Pemuliharaan Ketahanan dan kepelbagaian Alam
3. Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar
4. Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli
5. Membuat Keputusan Bersepadu
6. Peranan Sektor Swasta
7. Komitment dan Kebertanggungjawaban
8. Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa

DASN bertujuan menginterasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang dan untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkapi dan menambah dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaam yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian dan mengambil kira konvesyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

1.2 MISI, VISI, OBJEKTIF JABATAN

VISI

"Pemuliharaan Alam Sekitar untuk Kesejahteraan Rakyat"

MISI

"Memastikan Pembangunan Lestari di dalam Proses Memajukan Negara"

OBJEKTIF

Objektif berikut telah ditetapkan oleh JAS Perak bagi memastikan keberkesanan pengurusan alam sekitar di Negeri Perak serta memastikan keberkesanan pengurusan alam sekitar di Negeri Perak iaitu:

- Mempertingkatkan pemuliharaan dan memperbaiki keadaan kualiti alam sekitar sedia ada yang meliputi segmen udara, air, air laut dan tanah;
- Memberikan fokus pengurusan dan kawalan pencemaran bermula dari puncanya;
- Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan pemaju mengambilkira semua faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan perlaksanaan dasar, program dan pelan projek-projek pembangunan; dan
- Mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam usaha memulihara, mengawal dan mencegah kemerosotan kualiti alam sekitar di Negeri Perak.

1.3 FUNGSI

JAS Perak telah memberikan penekanan kepada fungsi-fungsi berikut di dalam usaha mencapai objektif yang telah ditetapkan:-

- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- Memproses laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA);
- Meneruskan program-program pengawasan kualiti alam sekitar yang meliputi segmen udara, air sungai, air bawah tanah dan air laut serta perairan pantai;
- Menerapkan input-input alam sekitar dalam penilaian kesesuaian tapak dan permohonan kelulusan bertulis bagi pemasangan alat pembakaran bahan api dan alat-alat kawalan pencemaran; dan
- Melaksanakan program-program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar.

1.4 STRATEGI

Berikut adalah strategi atau pendekatan yang diambil oleh JAS Perak bagi memastikan kualiti alam sekitar dapat diperbaiki dan dipulihara:-

➢ Melaksanakan program kawalan dan pencegahan pencemaran secara proaktif;

➢ Memberikan penekanan terhadap program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan golongan pelajar;

➢ Mengadakan kerjasama erat dengan agensi-agensi Persekutuan dan Negeri di dalam pengurusan alam sekitar selain terlibat secara aktif di dalam Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Peringkat Negeri Perak;

➢ Mempertingkatkan keupayaan untuk mengenalpasti punca-punca pencemaran dan membangunkan pangkalan data yang lebih komprehensif dan sistematik; dan

➢ Menjalankan aktiviti pemantauan pencemaran alam sekitar melalui udara dan rondaan darat.



Rajah 1 Lokasi Pejabat JAS Perak dan Cawangan

Jadual 1: Alamat Pejabat JAS Negeri dan Cawangan

	**JAS NEGERI PERAK (IBU PEJABAT NEGERI)** Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak Tingkat 4, Bangunan Sri Kinta Jalan Sultan Idris Shah 30000 Ipoh, Perak Tel: 05-254 2744 / 05-257 4749 Faks: 05-255 8595
	**JAS CAWANGAN TAIPING** Jalan Kampung Jambu 4, Kampung Jambu, 34000 Taiping, Perak Tel: 05-806 0858 Faks: 05-806 0875
	**JAS CAWANGAN TELUK INTAN** No. 1, Medan Sri Intan Jalan Sekolah 36000 Teluk Intan, Perak Tel: 05-621 4498 Faks: 05-621 4501
	**JAS GOPENG** Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gopeng 23, Lorong Industri 1/2, Kawasan Perindustrian Gopeng, 31350 Ipoh, Perak Tel: 05-354 1570 Faks: 05-354 1577

1.5 PRA KATA PENGARAH

Alhamdulillah, dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syukur kepada semua pihak yang telah berusaha keras dalam menyiapkan Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak bagi tahun 2023 ini. Laporan tahunan ini adalah hasil usaha bersama, yang mencerminkan komitmen dan dedikasi jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan kelestarian alam sekitar di negeri Perak terus terpelihara dengan baik.

Tahun 2023 menyaksikan pelbagai cabaran dan peluang yang telah memberikan impak besar terhadap alam sekitar. Dalam mendepani isu-isu global dan tempatan yang berkaitan dengan perubahan iklim, pencemaran, dan pengurusan sumber semula jadi, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah memperkukuhkan inisiatif-inisiatif bersepadu untuk mengurangkan kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar serta meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya menjaga ekosistem yang sihat.Sepanjang tahun 2023, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan, antaranya ialah pemantauan kualiti udara, air sungai, pengurusan sisa buangan terjadual, kesedaran awam, serta penguatkuasaan terhadap pencemaran berpunca dari industri yang berpotensi mencemarkan alam sekitar. Selain itu, kerjasama antara pihak kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat turut diperkukuhkan melalui pelbagai projek pembangunan lestari yang mesra alam.

Salah satu pencapaian yang amat membanggakan adalah peningkatan kesedaran awam tentang amalan hijau dan usaha-usaha pemuliharaan yang dilaksanakan di peringkat komuniti. Melalui program pendidikan dan kesedaran, kita berjaya mempertingkatkan penyertaan masyarakat dalam usaha memelihara alam sekitar di peringkat akar umbi. Inisiatif-inisiatif seperti ini memberi impak yang besar dalam mengubah sikap dan budaya masyarakat terhadap alam sekitar. Di Jabatan Alam Sekitar, semua keputusan dicapai melalui kesepakatan dalam mesyuarat jawatankuasa yang diadakan pada peringkat negeri perak.

Selain daripada itu, laporan ini juga memberi tumpuan kepada pencapaian Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dalam mencapai matlamat pembangunan lestari, khususnya dalam mengimbangi keperluan pembangunan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar. Dengan pelaksanaan dasar dan strategi seiring dengan misi dan visi Kerajaan Negeri Perak, Jabatan

Alam Sekitar Negeri Perak bertekad untuk memastikan keseimbangan antara kemajuan pembangunan dan kelestarian alam sekitar terus tercapai.

Dalam pada itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota jabatan yang telah bekerja dengan penuh dedikasi dan profesionalisme sepanjang tahun 2023. Tanpa usaha dan komitmen mereka, kejayaan yang dicapai ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam mencapai visi bersama untuk menjadikan Negeri Perak sebagai negeri yang lebih hijau, bersih, dan lestari. Semoga laporan tahunan ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai perjalanan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak sepanjang tahun 2023 dan seterusnya menjadi landasan bagi terus memperkukuhkan usaha-usaha kelestarian alam sekitar pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.


"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama''



YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Mohammad Ezanni Bin Mat Salleh (DIMP, SIJ, PSI II)

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

2.BAHAGIAN OPERASI




2.1 KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP

Pelaksanaan kawalan pencemaran alam sekitar adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya. Sektor industri merupakan aktiviti pengilangan atau pembuatan yang berpotensi menghasilkan pencemaran alam sekitar. Premis punca tetap atau premis pengilangan di Negeri Perak ini, dikawal dan dipantau oleh unit penguatkuasaan punca tetap. Terdapat tiga (3) unit yang mengawalselia premis punca tetap di JAS Ipoh iaitu Unit Perak Utara, Unit Perak Tengah dan Unit Perak Selatan. Setiap Unit dibahagikan mengikut kawasan parlimen sebagaimana **Jadual 2 :-**

Jadual 2 Pembahagian Unit Mengikut Kawasan Parlimen

Bil	Unit	Parlimen
1	Unit Perak Utara	Parlimen Ipoh Barat, Parlimen Tambun, Parlimen Sungai Siput, Parlimen Padang Rengas, Parlimen Kuala Kangsar, Parlimen Lenggong, Parlimen Gerik
2	Unit Perak Tengah	Parlimen Ipoh Timur, Parlimen Gopeng, Parlimen Batu Gajah
3	Unit Perak Selatan	Parlimen Tanjung Malim, Parlimen Tapah, Parlimen Kampar

Pada Tahun 2023, sebanyak 1453 pemeriksaan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT), Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) dan Sistem Pengolahan Kumbahan (SPK) manakala pada tahun sebelumnya iaitu pada Tahun 2022, sebanyak 940 pemeriksaan telah dijalankan. Bilangan pemeriksaan mengikut jenis punca tetap adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**.



Rajah 2 Perbandingan bilangan pemeriksaan PYDT, PYBDT dan IWK bagi Tahun 2022 & Tahun 2023.

2.1.1. TINDAKAN PENGUATKUASAAN


Bagi memastikan kerja-kerja penguatkuasaan dan pemantauan yang berkesan, tindakan susulan telah di ambil ke atas kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Tindakan penguatkuasaan yang akan di ambil jika berlaku ketidakpatuhan adalah berdasarkan kesalahan yang telah dilakukan. Antara tindakan berikut adalah Arahan di Lapangan, Notis Arahan, Kompaun, Penahanan Operasi Kelengkapan, Gantung Lesen serta Penyediaan Kertas Siasatan. Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang Tahun 2022 dan Tahun 2023 adalah seperti pada **Jadual 3**.

Tindakan	**Tahun 2022**	**Tahun 2023**
Arahan di lapangan (*field citation*)	295	783
Notis Arahan	114	219
Kompaun	726	84
Penahanan Operasi Kelengkapan (POK)	11	27
Gantung Lesen	0	2
Kertas Siasatan	18	21

Jadual 3 Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang Tahun 2022 dan 2023

Pecahan bagi tindakan penguatkuasaan juga telah dilampirkan dalam Rajah di bawah.



Rajah 3 Perbandingan bilangan tindakan penguatkuasaan Tahun 2022 & Tahun 2023

2.1.2. RONDAAN OMPT

Pasukan Punca Tetap turut menjalankan aktiviti Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) di sekitar kawasan dalam Negeri Perak. Operasi ini tertumpu pada waktu hujung minggu dan ditingkatkan ketika cuaca kering bagi mengelakkan aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi memburukkan kualiti udara sekitar.

Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengurangkan kes-kes aduan pembakaran terbuka yang berlaku di negeri Perak dengan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

1. Hebahan dan kempen larangan pembakaran terbuka secara berterusan kepada orang ramai melalui hebahan media massa seperti website JAS, media facebook dan sebagainya.

2. Mengadakan program komuniti dan kesedaran awam seperti menjalankan Seminar Pencegahan Pembakaran Terbuka kepada orang awan, agensi kerajaan dan pihak industri.

3. Edaran poster dan brosur larangan pembakaran terbuka di kawasan-kawasan hotspot kejadian pembakaran terbuka seperti taman-taman perumahan, tapak binaan, kawasan industri dan sebagainya.

4. Mengaktifkan Pelan Tindakan Operasi (PTO) Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Kebakaran Tanah Gambut ketika cuaca panas.

5. Meningkatkan penggunaan dron dalam menjalankan pemantauan dan pencegahan aktiviti pembakaran terbuka.

6. Meningkatkan bilangan rondaan dan pemantauan kawasan yang berisiko berlakunya kebakaran terbuka pada waktu siang dan malam serta hari cuti umum.

7. Tindakan kompaun dan mahkamah di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 kepada orang yang melakukan kesalahan pembakaran terbuka.

8. Penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi menangani kes pembakaran terbuka di kawasan kejiranan, sampah sarap dan pembinaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Jabatan Alam Sekitar juga telah mewakilkan kuasa penyiasatan pembakaran terbuka kepada agensi-agensi di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000. Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

i. BOMBA

ii. Polis Diraja Malaysia (PDRM)

iii. Jabatan Kesihatan

iv. Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya/Majlis Perbandaran/Majlis Daerah)



Rajah 4 Pegawai JAS memeriksa kawasan PT



Rajah 5 Pihak bomba memadam kebakaran hasil aduan daripada rondaan (OMPT).



Rajah 6 Pemeriksaan aduan di kilang memproses plastik terpakai



Rajah 7 Persampelan efluen dijalankan berdasarkan aduan.


2.2 UNIT ADUAN DAN KONTIGENSI

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak mengendalikan pelbagai hal berkaitan aduan pencemaran. Orang awam boleh menghubungi JAS Perak untuk mengemukakan sebarang aduan pada setiap hari bermula jam 7.30 pagi sehingga 5.30 petang dan pada hari minggu di mana pasukan siap sedia (On-Call) sentiasa bersedia bagi memudahkan orang awam membuat sebarang aduan berkaitan pencemaran alam sekitar.


Sepanjang tahun 2023, sebanyak 596 aduan pencemaran telah diterima oleh JAS Negeri Perak. **Rajah 8** menunjukkan aduan yang telah diterima mengikut daerah-daerah di Negeri Perak.

Daripada 596 jumlah aduan tersebut, aduan berkaitan pembakaran terbuka merupakan penyumbang bilangan aduan yang paling tinggi diterima iaitu sebanyak 283 aduan diikuti aduan pencemaran udara 154 dan pencemaran air sebanyak 57 aduan yang diterima pada tahun 2023. **Rajah 9** menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut jenis pencemaran pada tahun 2023.


Rajah 10 pula menunjukkan trend bilangan aduan yang diterima dari tahun 2019 sehingga tahun 2023. Pada tahun 2023, bilangan aduan meningkat sebanyak 16.9% berbanding aduan yang diterima pada tahun 2022. Daripada 596 bilangan aduan yang diterima pada tahun 2023, sebanyak 110 aduan di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan dipanjangkan kepada Jabatan yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Sebanyak 471 aduan yang berasas dibawah bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar telah diambil tindakan.



Rajah 8 Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut daerah pada tahun 2023



Rajah 9 Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut Jenis Pencemaran Bagi Tahun 2023




Rajah 10 Trend Bilangan Aduan yang diterima Dari Tahun 2019 Sehingga Tahun 2023

2.2.1. OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT) DAN HOTSPOT


Kes pembakaran terbuka dikesan melalui operasi rondaan mencegah pembakaran terbuka yang dilaksanakan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang berisiko berlaku kebakaran dan sering menerima aduan daripada orang awam. Disamping itu maklumat hotspots juga diperolehi melalui satelit yang dipantau oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC).

Pada tahun 2023, sebanyak 283 kes pembakaran terbuka telah diterima. Sebanyak 26 kes diterima melalui titik hotspot yang dikesan melalui satelit dan selainnya diterima melalui panggilan telefon, hotline NRE, internet atau emel, surat dan pengadu datang ke pejabat JAS Perak berjumpa dengan pegawai untuk membuat aduan.

Kes hotspot yang diterima pada tahun 2023 adalah meningkat sedikit berbanding pada tahun 2022. **Rajah 11** menunjukkan bilangan hotspot yang diterima mengikut daerah bagi tahun 2021 hingga 2023. **Rajah 12** pula menunjukkan jenis dan aktiviti hotspot yang dikenalpasti pada tahun 2021 hingga 2023. Pada tahun 2023 hotspot yang berlaku di kawasan sawah padi adalah paling tinggi berbanding di kawasan-kawasan yang lain.



Rajah 11 Bilangan hotspot yang diterima mengikut daerah bagi tahun 2021-2023



Rajah 12 Jenis dan aktiviti di lokasi hotspot pada tahun 2021-2023

Bagi mengawal sebarang aktiviti pembakaran terbuka yang diisytiharkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah menetapkan supaya sebarang pembakaran terbuka yang diisytiharkan memerlukan kelulusan bersyarat daripada Jabatan Alam Sekitar bagi meneruskan aktiviti tersebut.

2.2.2. KONTIGENSI

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah menerima 9 aduan kes kontigensi. Ianya melibatkan 3 kes tumpahan minyak/bahan kimia dari kemalangan lori di Lebuhraya PLUS, 3 kes pencemaran udara daripada premis, 1 kes tumpahan minyak di lautan, 1 kes pelupusan haram Buangan Terjadual dan 1 kes pencemaran air daripada industri. **Rajah 13** menunjukkan pecahan jenis kes kontigensi yang diterima oleh JAS Perak pada tahun 2023.



Rajah 13 Bilangan Aduan/Kes Kontigensi di Negeri Perak pada Tahun 2023




Rajah 14 Kemalangan Kenderaan di Lebuhraya PLUS




Rajah 15 Kes Pencemaran Minyak Di Laut

2.2.3. PEMBANGUNAN PROGRAM PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SERTA KAWASAN LAIN BERISIKO KEBAKARAN UNTUK MENGATASI JEREBU

Penerokaan kawasan tanah gambut secara tidak terkawal berpotensi menyebabkan kehilangan kandungan air dari kawasan gambut. Pada musim panas dan kering serta dengan sifat tanah gambut yang mempunyai bahan organik yang tinggi, menjadikan kawasan ini mudah terbakar. Kebakaran tanah gambut yang berlanjutan akan menyebabkan berlakunya jerebu setempat dan boleh menjejaskan kesihatan orang ramai.

Tindakan pencegahan bagi mengawal kebakaran di kawasan tanah gambut adalah lebih praktikal dibandingkan dengan kerja-kerja pemadaman. Ini adalah kerana apabila kebakaran

berlaku di kawasan tanah gambut yang kering, api kebakaran tersebut akan memasuki jauh ke dalam tanah gambut dan ianya amat sukar dipadamkan serta mengambil masa yang lama.

Projek pengurusan tanah gambut sering terbakar telah diilhamkan oleh pihak Kementerian sebagai salah satu langkah awal bagi mengawal kebakaran hutan tanah gambut yang sering berlaku terutamanya pada musim kemarau.

Di bawah program pencegahan dan pemantauan kebakaran tanah gambut serta kawasan lain berisiko kebakaran untuk mengatasi jerebu JAS Perak telah diberikan peruntukkan sebanyak RM100,000.00 pada tahun 2023 bagi melaksanakan program-program kesedaran bersama pihak komuniti, pembelian dron dan pembelian bahan-bahan promosi mencegah aktiviti pembakaran terbuka.


Program-program kesedaran bersama pihak komuniti yang telah dijalankan pada tahun 2023 adalah seperti berikut :

1. Seminar Pencegahan Pembakaran Terbuka Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Perak Tahun 2023.
2. Program Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka dan Majlis Penyerahan Lesen Kilang Kelapa Sawit Tahun 2023.
3. Pertandingan Mewarna Peringkat Tadika dan Sekolah Rendah Sempena Hari Ozon Sedunia Tahun 2023.



Rajah 16 Seminar Pencegahan Pembakaran Terbuka





Rajah 17 Program Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka





Rajah 18 Majlis Penyerahan Lesen Kilang Kelapa Sawit Tahun 2023





Rajah 19 Pertandingan Mewarna Peringkat Tadika dan Sekolah Rendah Sempena Hari Ozon Sedunia Tahun 2023

2.3 UNIT MAHKAMAH


Pada tahun 2023, Unit Mahkamah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah menerima 14 Kertas Siasatan untuk tujuan semakan sebelum pendakwaan di mahkamah dan 58 Kertas Siasatan izin mengkompaun telah dibuka untuk ketetapan Timbalan Pendakwaraya (TPR). Selain daripada itu, Unit Mahkamah juga telah memproses sebanyak 236 Kertas Siasatan yang telah selesai ke TPR bagi tujuan mendapatkan *No Further Action* (NFA) / Kemas Untuk Simpan (KUS).

Pada tahun 2023 juga sebanyak 7 pertuduhan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dibawa ke mahkamah dan melibatkan kutipan denda sebanyak RM 175,000.00 (Rujuk Jadual di bawah)

BIL	SEKSYEN/PERATURAN	BIL PERTUDUHAN	JUMLAH DENDA	PENJARA
1	SEK 16	3	60,000	0
2	SEK 18			0
3	SEK 19			0
4	SEK 22			0
5	SEK 23			0
6	SEK 24			0
7	SEK 25			0
8	SEK 27			0
9	SEK 29A			0
10	SEK 31			0
11	SEK 37			0
12	PPKAS (BT) 2005	1	DNA	0
13	PPKAS (PUB) 2014			0
14	PPKAS (KAMBUS TANAH) 2009			0
15	PPKAS (KUMBAHAN) 2009			0
16	PPKAS (EP) 2009	2	80,000	0
17	SEK 34A	1	35,000	0
18	SEK 34B			0
19	SEK 34AA			0
	JUMLAH	7	175,000	0

2.4 JAS CAWANGAN TELUK INTAN

Perjawatan JAS Cawangan Teluk Intan 2023



Tren Pemeriksaan dan Tindakan Penguatkuasaan JAS Cawangan Teluk Intan Bagi Tahun 2022 & 2023.



Rajah 20 Pemeriksaan JAS Teluk Intan 2022-2023




Rajah 21 Trend Tindakan Pemeriksaan 2022-2023

2.5 JAS CAWANGAN TAIPING

2.5.1 TREN PEMERIKSAAN BAGI TAHUN 2022-2023


Sebanyak 234 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2022 manakala pada tahun 2023, sebanyak 355 pemeriksaan yang merangkumi aspek KKS, PYBDT dan IWK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 pemeriksaan melibatkan KKS telah dijalankan pada tahun 2022 manakala pada tahun 2023, sebanyak 78 pemeriksaan telah dijalankan. Bagi yang melibatkan PYBDT, sebanyak 164 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2023 yang mengalami peningkatan iaitu sebanyak 220 pemeriksaan telah dijalankan. Bagi pemeriksaan yang melibatkan IWK, sebanyak 48 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2022 manakala 57 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2023. Pemeriksaan dilakukan bertujuan supaya pihak industri mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang tertakluk di bawah akta tersebut.



Rajah 22 Data Tren Pemeriksaan bagi Tahun 2022-2023.

2.5.2 TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG DIAMBIL


Sebanyak 264 “Field Citation” telah dikeluarkan pada tahun 2022 manakala 355 “Field Citation” dikeluarkan pada tahaun 2023. Bagi tindakan Notis Arahan pula, sebanyak 69 notis telah dikeluarkan pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2023 yang menurun kepada 52 notis. Bagi tindakan kompaun, sebanyak 115 kompaun telah dikeluarkan kepada industri yang berkaitan untuk tahun 2022, manakala bagi tahun 2023, 6 kompaun telah dikeluarkan kepada pihak yang berkaitan. Sebanyak 3 penahanan kelengkapan masing-masing telah dilakukan bagi tahun 2022 dan 2023. Bagi penyediaan kertas siasatan pula, sebanyak 3 kertas siasatan telah dikeluarkan pada tahun 2022 dan 6 kertas siasatan dikeluarkan pada tahun 2023. Tiada perintah larangan dilakukan bagi kedua-dua tahun. Satu perintah gantung lesen telah dikeluarkan kepada PYDT KKS pada tahun 2023.



Rajah 23 Data Tren Tindakan Penguatkuasaan bagi Tahun 2022-2023

2.5.3 OPERASI BERSEPADU


Berdasarkan data yang diperolehi di **Rajah 24,** sebanyak 3 (37.5%) operasi bersepadu telah dijalankan sepanjang tahun 2022 manakala pada tahun 2023, sebanyak 5 (62.5%) operasi bersepadu telah dijalankan sepanjang tahun tersebut. Operasi bersepadu dijalankan adalah untuk memastikan pihak industri mematuhi peraturan-peraturan yang tertakluk dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Rajah 24 Data Operasi Bersepadu bagi tahun 2022-2023.

2.5.4 TREN KATEGORI ADUAN DITERIMA OLEH JAS TAIPING

Sebanyak 96 aduan berkaitan udara telah diterima bagi tahun 2022, manakala 72 aduan diterima pada tahun 2023. Bagi kategori aduan bunyi bising, sebanyak 3 aduan telah diterima bagi tahun 2022 manakala 2 aduan telah diterima pada tahun 2023. Untuk aduan yang berkaitan dengan air pula, sebanyak 4 aduan telah diterima pada tahun 2022, berbanding tahun 2023, yang menerima 9 aduan pada tahun tersebut. Bagi lain-lain aduan, pihak JAS Taiping telah menerima 4 aduan bagi tahun 2023. Untuk makluman, tiada sebarang aduan berkaitan tumpahan minyak, gegaran, buangan terjadual dan tanah diterima pada tahun 2023.




Rajah 25 Tren Kategori Aduan Diterima bagi Tahun 2022-2023

2.5.5 TREN KERJA-KERJA LAIN

Berdasarkan data yang diperolehi **(Rajah 26)**, Untuk rondaan OMPT, 136 rondaan telah dijalankan pada tahun 2022 dibanding dengan tahun 2023 iaitu 202 rondaan. 40 mesyuarat telah dijalankan sepanjang tahun 2022 manakala 96 mesyuarat telah dijalankan sepanjang tahun 2023. Bagi penglibatan Puspakom, sebanyak 4 penglibatan pada tahun 2022 manakala 38 penglibatan pada tahun 2023. Untuk siasatan aduan, sebanyak 61 aduan telah dijalankan pada

tahun 2022 manakala 87 aduan telah disiasat pada tahun 2023. Untuk ops bersepadu, 3 operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2022, dan bagi tahun 2023, sebanyak 8 operasi telah dijalankan pada tahun tersebut. Untuk perkhidmatan konsultansi, pihak JAS Taiping telah menjalankan sebanyak 117 konsultansi sepanjang tahun 2022, dan pada tahun 2023 mempunyai sedikit peningkatan iaitu 183 konsultansi telah dilakukan. Sebanyak 96 permohonan input pembangunan dan notifikasi telah dilakukan pada tahun 2023.



Rajah 26 Tren Kerja-Kerja Lain bagi tahun 2022-2023.

2.6 JAS CAWANGAN GOPENG

2.6.1 UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Program-program penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Perak pada tahun 2023 adalah seperti berikut :

1. **Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel**

Pengawalan pelepasan daripada enjin diesel kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel)

1996. Bagi mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan bermotor ini dua (2) kaedah operasi utama telah dijalankan iaitu:

a) Operasi Statik Bersepadu bersama agensi penguatkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan; dan

b) Operasi Catat/ Kamera Video dimana operasi ini dijalankan menggunakan kaedah merakamkan gambar tetap *(still photo)* atau gambar bergerak menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital terhadap kenderaan yang didapati secara visual melepaskan asap hitam berlebihan.

2. Operasi Statik Penguatkuasaan Pelepasan Kenderaan Berenjin Diesel Bersama Agensi Penguatkuasa

Bagi tahun 2023, sebanyak 32 operasi bersepadu bagi kenderaan diesel telah dijalankan berbanding sebanyak 30 operasi pada tahun 2022 dan daripada operasi tersebut, sebanyak 2,338 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa dan 65 tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan 78 Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan semula asap hitam di Puspakom ke atas kenderaan yang melepaskan asap melebihi 50% ketumpatan.



Rajah 27 Operasi Statik Penguatkuasaan Pelepasan Kenderaan Berenjin Diesel Bersama Agensi Penguatkuasa

3. Operasi Catat/ Kamera Video Menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital

Operasi Catat adalah satu kaedah pemerhatian dan penguatkuasaan pelepasan asap hitam kenderaan diesel melalui visual menggunakan kamera video. Bagi tahun 2023 sebanyak 248 operasi catat telah dijalankan berbanding pada tahun 2022 sebanyak 250 operas,i dimana 30,112 buah kenderaan diesel telah dicatat. Daripada jumlah tersebut, 22 buah kenderaan telah didapati melepaskan asap hitam berlebihan dan diberi Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan asap hitam di Puspakom.

4. Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol, Gas Motosikal dan Bunyi Bising Motosikal

Pengawalan pelepasan daripada enjin petrol kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Gas-gas yang diuji adalah gas Karbon Monoksida (CO) dan gas Hidrokarbon (HC) dengan menggunakan meter gas TEN Innova. Standard pelepasan yang dibenarkan bagi model kenderaan sebelum 1 Januari 1997 adalah CO(4.5%) dan HC(800 ppm) manakala bagi model kenderaan selepas 1 Januari 1997 pula CO(3.5%) dan HC(600 ppm).

i) Bagi tahun 2023 sama seperti tahun 2022 sebanyak 2 operasi bersepadu bagi kenderaan Petrol telah dijalankan, tiada sebarang notis dikeluarkan dibawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.



Rajah 28 Operasi Kenderaan Petrol

ii) Bagi Kawalan terhadap peraturan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, sebanyak 2 Operasi telah dijalankan pada tahun 2023 berbanding 2 operasi juga pada tahun 2022 dengan sebuah kenderaan motosikal dikenakan tindakan Notis Arahan dibawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.



Rajah 29 Ops gerak bersepadu gas motosikal


iii) Bagi pemeriksaan ujian bunyi bising motosikal yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, pada tahun 2023 sebanyak 2 operasi telah dijalankan dan 11 tawaran kompaun telah dikeluarkan berbanding sebanyak 2 Operasi telah dijalankan pada tahun 2022 dan 10 tawaran kompaun telah dikeluarkan.




Rajah 30 Ops gerak bersepadu bunyi bising motosikal

5. Program Pemeriksaan Ke atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Bagi tahun 2023 sebanyak 19 buah premis pengendali berkumpulan di Negeri Perak telah diperiksa dan diarah menyediakan serta mengemaskini buku log berbanding 20 pemeriksaan premis pada tahun 2022. Sebanyak 10 tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada *Fleet Operator* pada tahun 2023 di atas kesalahan Pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.




Rajah 31 Perbandingan Ops Tahun 2022 vs Tahun 2023 Untuk Penguatkuasaan



Rajah 32 Tindakan Penguatkuasaan Kompaun bagi Tahun 2022 vs Tahun 2023




Rajah 33 Tindakan Penguatkuasaan Notis bagi Tahun 2022 vs Tahun 2023



Rajah 34 Tindakan Penguatkuasaan bagi Tahun 2022 vs Tahun 2023

3.BAHAGIAN PEMBANGUNAN




3.1 UNIT LESEN PYDT/KB19/LP

3.1.1 KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH SEKSYEN 19, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974

Pada Tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah menerima dan memproses sebanyak empat belas (14) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, AKAS 1974 iaitu empat (4) permohonan baru dan sepuluh (10) permohonan pindaan. **Jadual 4** menunjukkan kategori dan bilangan permohonan bagi Kebenaran Bertulis. Manakala **Rajah 35** menunjukkan bilangan permohonan Kebenaran Bertulis yang diterima mengikut industri.

Jadual 4 Kategori dan bilangan permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, AKAS 1974

Bil	Kategori Permohonan	Bilangan Permohonan Diterima
1.	Permohonan Baru	4
2.	Permohonan Pindaan	10



Rajah 35 Pecahan permohonan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 mengikut jenis industri di Negeri Perak bagi Tahun 2023


3.1.2 LESEN DI BAWAH SEKSYEN 18, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), premis yang ditetapkan adalah ditakrifkan sebagai premis yang dilesenkan sebagaimana ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18, Akta 127. Premis yang ditetapkan tersebut merangkumi kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah dan kilang atau kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Operasi premis-premis ini adalah tertakluk kepada keperluan Seksyen 18, Akta 127 di mana pemilik premis ini perlu mempunyai lesen daripada Jabatan Alam Sekitar bagi menduduki dan/atau menggunakan premis disamping perlu mematuhi Jadual Pematuhan yang telah ditetapkan.

Pada Tahun 2023, JAS Negeri Perak telah memproses satu ratus enam puluh enam (166) permohonan berkaitan lesen di bawah Seksyen 18, AKAS 1974 seperti **Jadual 5**. Manakala bilangan permohonan lesen diterima mengikut industri ditunjukkan dalam **Rajah 36**.

Jadual 5 Kategori dan bilangan permohonan lesen di bawah Seksyen 18, AKAS 1974

Bil	Kategori Permohonan	PYDT BT	PYDT KKS	PYDT KG
1.	Permohonan Lesen Baru	8	1	0
2.	Permohonan Pindaan Syarat Lesen	38	2	1
3.	Permohonan Pembaharuan Lesen	68	44	4
Jumlah		**114**	**47**	**5**
Jumlah Keseluruhan		**166**		



Rajah 36 Pecahan permohonan berkaitan lesen Seksyen 18 mengikut jenis industri di Negeri Perak bagi Tahun 2023

Jadual 6 Jenis lesen yang telah dikeluarkan ke atas kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di Negeri Perak bagi Tahun 2023

Bil	Jenis Lesen	Bilangan Lesen
1.	Lesen Pengangkut (*Transporter*)	35
2.	Lesen Kemudahan	
	i. Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak	30
	ii. Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (Penuh e-Waste)	1
	iii. Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (Separa e-Waste)	2
	iv. Kemudahan Pengolahan Luar Tapak	2
	v. Kemudahan Penunu Buangan Terjadual	2
	vi. Kemudahan Penstoran Luar Tapak	4
	Jumlah lesen kemudahan	41

3.1.3 LESEN PELANGGARAN

Bil	Perundangan	Tujuan	Bilangan Permohonan
1	Seksyen 22 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling Akas 1974 Bagi Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014	Suatu lesen bagi premis untuk memohon melanggar nilai batas yang boleh diterima bagi pengeluaran pencemar udara	Tiada
2	Seksyen 25 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Bagi Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 Dan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009	Suatu lesen bagi premis untuk pelepasan efluen perindustrian dan kumbahan masing-masing melebihi standard yang telah ditetapkan dengan syarat-syarat seperti berikut : (i) Kerja-kerja penyelenggaraan atau menaiktaraf sistem pengolahan efluen perindustrian (SPEP) atau loji rawatan kumbahan (LRK) (ii) Menjalankan kajian R&D. (iii) Bagi meningkatkan kecekapan dan prestasi SPEP atau LRK;	Efluen Perindustrian : 2 Kumbahan : Tiada


3.1.4 KELULUSAN BERTULIS

Bil	Perundangan	Tujuan	Bilangan Permohonan
1	Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977	Premis yang ingin menjalankan apa-apa aktiviti yang mengubah kualiti dan kuantiti efluen yang dilepaskan dari premis hendaklah mendapatkan kelulusan Bertulis dari Ketua Pengarah (termasuk aktiviti desludging kolam)	21
2	Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978		1

3.2 UNIT POST EIA


Sejumlah **110** siasatan penguatkuasaan samada melibatkan pemeriksaan di lapangan dan pemeriksaan secara desktop bagi memantau pematuhan penggerak projek terhadap syarat kelulusan EIA. (**Rajah 37**). Daripada jumlah itu, sebanyak **80%** (88 pemeriksaan) adalah mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA manakala **20%** (22 pemeriksaan) pula tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA. Pemeriksaan secara desktop adalah pemantauan segala laporan-laporan yang perlu dikemukakan penggerak projek melibatkan program pengawasan alam sekitar (air, udara, bunyi bising, dan getaran) secara berkala, laporan audit alam sekitar oleh pihak ketiga, dan laporan status semasa projek.

Pada tahun 2023 juga terdapat pemeriksaan/lawatan di lapangan bersama agensi berkaitan seperti Kementerian NRECC bersama KSU melawat Loji Kumbahan berpusat Papan, Jabatan Audit Negara melibatkan tapak pelupusan sampah, Jabatan Mineral dan Geosains melibatkan kawasan kuari yang kerap menerima aduan, Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan melibatkan aduan ADUN kawasan, dan lawatan bersama pihak JAS Ibupejabat ke tapak perlombongan *lanthanide* di Gerik, Perak.



Rajah 37 Peratusan pematuhan pada tahun 2023

Daripada siasatan yang dijalankan pada tahun 2023, tindakan penguatkuasaan yang telah diambil merangkumi **41 *field citation*, 14 notis arahan** dan **2 kompaun** dikeluarkan ke atas penggerak projek **(Rajah 38).**



Rajah 38 Tindakan penguatkuasaan bagi projek EIA 2023.



Rajah 39 Lawatan Kerja YBhg KSU NRECC Ke Loji Kumbahan JPP Papan, Lahat



Rajah 40 Pemeriksaan Tapak Pelupusan Sampah bersama Jabatan Audit Negara



Rajah 41 Pemeriksaan bersama JAS Ibupejabat projek perlombongan lanthanide di Gerik

3.3 UNIT EIA/ISO/GIS


Penyediaan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah di bawah keperluan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mana orang yang berhasrat menjalankan satu aktiviti yang ditetapkan hendaklah menyediakan laporan tersebut untuk kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum sebarang projek dilaksanakan.

Penilaian laporan EIA di Jabatan Alam Sekitar Negeri adalah berdasarkan Prosedur Kualiti Laporan EIA Jadual Pertama di bawah keperluan sistem pengurusan kualiti MSISO 9001 : 2015 dengan objektif kualiti berkaitan piagam pelanggan bagi penilaian laporan iaitu 25 hari bekerja bermula dari tarikh terima laporan EIA dikemukakan kepada Jabatan.

Pada tahun 2023, sebanyak 43 laporan EIA yang diterima dan diproses yang melibatkan 41 buah projek. Daripada jumlah tersebut, 31 laporan diluluskan dan 11 laporan tidak diluluskan kerana tidak memenuhi Seksyen 34(2c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Manakala terdapat 1 laporan yang tidak diproses kerana laporan ditarik balik semula oleh pemaju.

Berikut adalah laporan EIA yang diproses pada tahun 2023 berdasarkan Aktiviti Yang Ditetapkan sepertimana di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling)2015.

Berdasarkan graf di bawah, aktiviti yang melibatkan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual adalah antara aktiviti utama yang dijangka akan dilaksanakan di negeri Perak dan secara tidak langsung bakal menyumbang kepada ekonomi negeri Perak.



Rajah 42 Bilangan Laporan EIA Mengikut Aktiviti Yang Ditetapkan

3.4 UNIT INPUT PEMBANGUNAN

Berikut adalah kerja kerja yang telah dilakukan oleh Unit Input Pembangunan bagi tahun 2023:-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	**Ulasan input pembangunan yang telah dikeluarkan oleh JAS Negeri Perak pada tahun 2023**	1607
2	**Ulasan yang dikeluarkan mengikut kategori agensi**	
	i. Individu/perunding	251
	ii. Agensi kerajaan	111
	iii. Pihak Berkuasa Tempatan	778
	iv. Pejabat Tanah dan Daerah	219
	v. Pejabat Tanah dan Galian	248
3	**Ulasan yang dikeluarkan mengikut kategori jenis pembangunan**	
	i. Perumahan	305
	ii. Industri PYBDT	326
	iii. Perlombongan bahan mineral	210
	iv. Penternakan	101
	v. Infrastruktur/ sekolah/ hospital	58
	vi. Perniagaan/ komersial	98
	vii. Pertanian	59
	viii. Lain-lain	148
	ix. Kuari	70

	x. Pasir sungai/laut	10
	xi. Stesen minyak	8
	xii. Tanah merah	35
	xiii. Gudang/stor	21
	xiv. Solar	17
	xv. Lesen air	61
	xvi. Industri PYDT	23
	xvii. Jalanraya/jambatan/terowong	22
	xviii. Agropelancongan	7
	xix. Perhutanan	3
	xx. Pelabuhan	5
	xxi. Pasir darat	20

Jadual 7 Bilangan ulasan input pembangunan yang dikeluarkan oleh JAS Negeri Perak bagi tahun 2023

Penerangan:

1. Ulasan ini diperlukan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sesuatu projek pembangunan agar pembangunan tersebut mematuhi aspek perundangan yang tertakluk di bawah bidang kuasa agensi masing-masing.

2. Ulasan-ulasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah berdasarkan bidang kuasa seperti mana yang termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta garis panduan seperti Guideline for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas (SZIRA) dan Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia (EESIM).

3. Tahun 2023 merekodkan jumlah keseluruhan ulasan input pembangunan yang dikeluarkan adalah sebanyak 1607 ulasan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding ulasan yang telah dikeluarkan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 1330 ulasan. Jumlah ulasan yang dikeluarkan adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang memerlukan ulasan ini seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Agensi-Agensi Kerajaan, Jururunding dan Individu.

4. Bilangan ulasan yang dikeluarkan kepada PBT merupakan paling tinggi memandangkan agensi berkenaan bertanggungjawab meluluskan sesuatu pembangunan melalui instrumen Kebenaran Merancang (KM). Jabatan Alam Sekitar merupakan ahli tetap di dalam Mesyuarat One Stop Centre (OSC) yang diurusetiakan oleh PBT bagi menilai sesuatu permohonan KM tersebut.

5. Pecahan ulasan yang dikeluarkan pada tahun 2023 mengikut kategori menunjukkan aktiviti perindustrian (349) paling tinggi yang direkodkan diikuti dengan aktiviti perumahan (305). Negeri Perak merupakan negeri yang memiliki tanah yang luas dan masih banyak potensi untuk dibangunkan. Negeri yang kaya dengan sumber mineral ini juga telah memfokuskan "Perlombongan Yang Lestari" sebagai salah satu agenda di dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 sehinggakan ulasan yang dikeluarkan terhadap aktiviti perlombongan bahan mineral (210) menjadi ketiga tertinggi yang dikeluarkan oleh JAS Perak.



Rajah 43 Lawatan tapak bersama agensi

Lawatan tapak yang dijalankan bersama agensi dapat memberikan input yang jelas kepada Pihak Berkuasa Yang Meluluskan untuk memastikan sesuatu pembangunan mengikut kehendak undang undang yang telah ditetapkan.

3.5 UNIT PENDIDIKAN DAN PENGAWASAN

Unit Pendidikan dan Pengawasan diwujudkan bertujuan untuk menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran kepada orang awam. Objektif unit ini adalah untuk mewujudkan dan melahirkan kesedaran dan keprihatinan terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar serta menyemai rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk memulihara kesejahteraan keharmonian dan kebersihan alam sekitar. Lampiran **Jadual 8** hingga **Jadual 10** menunjukkan aktiviti-aktiviti pendidikan yang telah dianjurkan oleh Jabatan ini bersama dengan Rakan Strategik (RS) JAS Perak sepanjang tahun 2023.

3.5.1 AKTIVITI AKTIVITI PENDIDIKAN

3.5.1.1 CERAMAH ALAM SEKITAR

Pada tahun 2023, sebanyak 22 ceramah telah disampaikan kepada pelajar-pelajar sekolah, institut pengajian tinggi, agensi kerajaan dan swasta serta orang awam. **Jadual 8** adalah ceramah-ceramah yang disampaikan oleh pegawai Jabatan yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar, masalah dan isu-isu semasa pencemaran alam sekitar serta penerangan mengenai AKAS 1974 dan peraturan- peraturan di bawahnya.



Rajah 44 Ceramah yang disampaikan kepada Universiti Teknologi Petronas (GGM) dan Property Management & Maintenance (PMM) dengan konsep Promoting Change, Erasing Emission: Our Journey to Low Carbon Campus

Jadual 8 Senarai Ceramah 2023

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
1	Ceramah berkaitan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Amalan Pengurusan Terbaik	28-02-23	Kinta River Front
2	Ceramah Berkaitan Guided Self Regulation	28-02-23	Kinta River Front
3	Bengkel dan Hands On Pendaftaran dan Pengemaskinian Aset	08-01-23	Pejabat JAS Perak
4	sesi penerangan kepada pelajar UITM Seri Iskandar	07-02-23	Pejabat JAS Perak
5	Ceramah climate change di SM Perempuan Perak	15 Apr 2023	SM Perempuan Perak
6	Taklimat kesedaran alam sekitar secara webinar kepada pelajar/ngo dengan kerjasama UUM sesi pagi	1 Jun 2023	Digital Library Perak
7	Taklimat kesedaran alam sekitar secara webinar kepada pelajar/ngo dengan kerjasama UUM sesi petang	1 Jun 2023	Digital Library Perak
8	Ceramah kesedaran di UiTM Tapah	10 Jun 2023	UiTM Tapah
9	Ceramah kesedaran bersama pelajar pra sekolah dan ibu bapa di SK Setia Jaya	15 Jun 2023	SK Setia Jaya
10	Ceramah kesedaran di SMK Dato Abdul Rahman	14 Jun 2023	SMK DARY
11	Ceramah kempen larangan Pembakaran Terbuka	18 Mei 2023	JAS Gopeng
12	Ceramah di Sek Tahfiz Lenggong	19 Jun 2023	Sek Tahfiz Lenggong
13	Ceramah kesedaran sekolah	17 Ogos 2023	SK Sultan Yussof
14	Ceramah kesedaran bersama pihak Motac	5 Sept 2023	Bukit Merah Lake Town
15	Ceramah Kesedaran Sekolah	08 Sept 2023	SK Rapat Setia
16	Ceramah Kepada Pejabat Pendidikan Daerah	12 Sept 2023	Hotel Regency, Ipoh
17	Taklimat webinar promosi Sekolah Lestari	14 Sept 2023	Digital Library Perak
18	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar	27/9/2023	Kolej Vokasional Kuala Kangsar
19	Ceramah kempen larangan Pembakaran Terbuka	04-10-23	Hotel Perdana Taiping
20	Ceramah Pengurusan Sisa	11-10-23	Majlis Daerah Lenggong
21	Ceramah Low Carbon Campus	26-10-23	Universiti Teknologi Petronas
22	Ceramah Kitar Semula	21-11-23	SJK(T) Tun Sambathan

3.5.1.2 PAMERAN ALAM SEKITAR

Pada tahun 2023, sebanyak 11 pameran alam sekitar telah disertai oleh JAS PERAK sempena aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar yang dianjurkan oleh pihak sekolah, institut pengajian tinggi, pihak kerajaan dan swasta serta orang awam seperti ditunjukkan dalam **Jadual 9**. Bahan-bahan penerbitan telah diedarkan kepada pelawat-pelawat yang mengunjungi gerai pameran JAS PERAK.



Rajah 45 Pameran Bersempena Karnival Pendidikan & Hari Terbuka SK Jalan Pegoh





Rajah 46 Pameran Sempena Minggu Alam Sekitar Carsem (M) Sdn. Bhd

Jadual 9 Senarai Pameran 2023

Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat	Bilangan Penyertaan
1	Pameran Bersempena Karnival Pendidikan & Hari Terbuka SK Jalan Pegoh	18-02-23	SK Jalan Pegoh	500
2	Pameran Kebangsaan Sempena Majlis Perasmian Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan	10-03-23	Stadium Indera Mulia	1000
3	Pameran di MRSM Grik	11-15 Jun 23	MRSM Grik	1000
4	Pameran di Surau Al-Hidayah, Hilir Perak	17-Jun-23	Hilir Perak	300
5	Pameran di Kilang Carsem, Jelapang	14-Jul-23	Carsem Jelapang	500
6	Pameran di Kilang Carsem, Gunung Rapat	16-Aug-23	Carsem Gunung Rapat	500
7	Pameran di SK Sultan Yussof, Batu Gajah	17-Aug-23	SK Sultan Yussof, Batu Gajah	300
8	Pameran Awam	10-Sep-23	KRT Klebang, Meru	100
9	Pameran Sempena Hari Ozon Sedunia	16-Sep-23	AEON, Manjung	500
10	Pameran sempena HASN 2023	21/10/2023	Dewan Perbandaran Taiping	300
11	Pameran Karnival Kimia Malaysia (K2M) Perak	18/11/2023	SMK Menglembu	200

3.5.1.3 SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2023

Tema HASN pada tahun 2023 adalah “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Tema ini menekankan keperluan penglibatan pelbagai pihak dalam menangani isu alam sekitar termasuk bagi menjayakan program kesedaran.

Objektif sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan orang ramai, mengeratkan dan mempertingkatkan kerjasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan kerjasama antara pelbagai agensi seperti pertubuhan bukan kerajaan, agensi swasta, individu dan sebagainya dalam usaha

pemuliharaan alam sekitar. **Jadual 10** menunjukkan program-program atau aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan dan dilaksanakan sempena sambutan HASN 2022 Peringkat Negeri Perak.



Rajah 47 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 di Kolej Vokasional Kuala Kangsar bertemakan "Beat The Plastic".



Rajah 48 Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa Bercemar Duli Menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Bertempat Di Dewan Perbandaran Taiping

Jadual 10 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara	Tarikh	Tempat	Bilangan Penyertaan
1	Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 Peringkat Negeri Perak	21/10/2023	Dewan Perbandaran Taiping	300
2	Pertandingan Pengumpulan Sisa Elektrik & Elektronik (E-Waste) Peringkat Sekolah Rendah	15/7/23 - 15/10/23	Sekolah-sekolah sekitar Perak	1000
3	Pertandingan Pengumpulan Sisa Elektrik & Elektronik (E-Waste)Peringkat Sekolah Menengah	15/7/23 - 15/10/23	Sekolah-sekolah sekitar Perak	1000
4	Cabutan Bertuah pertandingan e-waste Peringkat Sekolah	15/11/2023	JAS Perak	2000
5	Pertandingan Pidato Piala Vale 2023 (Cub Prodigy)	19/10/2023	Hotel Ritz Garden,Manjung	10
6	Pertandingan Pidato Piala Vale 2023 (Cheetah Youth)	19/10/2023	Hotel Ritz Garden,Manjung	17
7	Pameran sempena HASN 2023	21/10/2023	Dewan Perbandaran Taiping	300

3.5.1.4 SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (WED) 2023

Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) disambut setiap tahun pada 5 Jun oleh setiap negara dan masyarakat sedunia dengan bertemakan **"Beat Plastic Pollution"**. Pelbagai program telah dianjurkan dan dilaksanakan oleh JAS Perak supayaunsur-unsur pemantauan dan paling penting adalah penglibatan secara *"Hands-On"* oleh anggota masyarakat untuk membantu agensi-agensi kerajaaan yang bertanggungjawab membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan alam sekitar dapat diterapkan dan dibudayakan. **Jadual 11** adalah menunjukkan program-pragram yang telah dilaksanakan bagi sambutan WED 2023 di Negeri Perak.

Jadual 11 Senarai program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2023

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	Tarikh	Tempat	Bilangan Penyertaan
1	Seminar Larangan Pembakaran Terbuka	18 Mei 2023	JAS Gopeng	100
2	Webinar bersama pelajar UUM sesi pagi bersama kumpulan 1	1 Jun 2023	Digital Library	50
3	Webinar bersama pelajar UUM sesi petang bersama kumpulan 2	1 Jun 2023	Digital Library	50
4	Program kesedaran alam sekitar bersama pelajar pra sekolah di SK Setia Jaya	15 Jun 2023	SK Setia Jaya	70
5	Program Karnival Bumi Kita di UiTM Tapah	10 Jun 2023	UiTM Tapah	200
6	Ceramah kesedaran di SMK Datuk Abdul Rahman Yaakub	15 Jun 2023	SMK DARY	800
7	Program kempen kesedaran bersama pelajar pra-sekolah di SK Setia Jaya bersama guru dan ibu-bapa	16 Jun 2023	SK Setia Jaya	40
8	Program ceramah kesedaran kepada pelajar tahfiz di Sek Tahfiz, Lenggong	19 Jun 2023	Sekolah Tahfiz Lenggong	170
9	Program gotong royong, pemeran & pengumpulan e-waste anjuran Jabatan Perpaduan di Surau Al-Hidayah, Hilir Perak	24-Jun-23	Surau Al-Hidayah, Hilir Perak	300



Rajah 49 Ceramah disampaikan kepada pelajar-pelajar SMK Dato' Abdul Rahman Yaakub tentang Kesedaran Alam Sekitar & Promosi Sekolah Lestari sempena sambutan WED 2023 di Negeri Perak Darul Ridzuan

3.5.1.5 SAMBUTAN HARI BUMI SEDUNIA DI NEGERI PERAK

Bersempena Hari Bumi Sedunia yang disambut setiap tahun pada tanggal 22 April di seluruh dunia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah merancang pelbagai aktiviti dengan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang aktif dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sebanyak empat (4) aktiviti program bagi sambutan Hari Bumi yang dirancang oleh JAS Perak telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2023 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 12**. Tema sambutan Hari Bumi Sedunia tahun 2023 adalah **"INVEST IN OUR PLANET"** diharapkan dapat menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar selaras dengan dasar /agenda kerajaan negeri dalam usaha-usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak, dengan tema ***"PERAK BUMI LESTARI"***.



Rajah 50 Kempen "No Single Use Plastic" Sempena Hari Bumi 2023 di Bazar Ramadhan Stadium Indera Mulia, Ipoh.

Jadual 12 Senarai program sempena sambutan Hari Bumi 2023 di Negeri Perak Darul Ridzuan

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Bumi	Tarikh	Tempat	Bilangan Penyertaan
1	Sesi Ceramah Bulan Ramadan bertajuk Hakikat Ramadan bersempena Hari Bumi	27-03-23	Pejabat JAS Perak	40
2	Program ceramah kesedaran dan demonstrasi penggunaan CEREX di Sekolah Menengah Perempuan Ipoh, Perak	15-04-23	SM Perempuan Ipoh, Perak	70
3	Program Hindari Plastik Beg Sekali Guna Sempena Sambutan Hari Bumi	15-Apr-23	Bazar Ramadhan,Stadium Ipoh, Perak	300
4	Perasmian Sekolah Tanpa Sampah di SK Seri Setia Jaya, Kuala Kangsar	08 Mei 2023	SK Sri Setia Jaya	50

3.5.1.6 SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA DI NEGERI PERAK

Tanggal 16 September setiap tahun merupakan Hari Ozon Antarabangsa dan di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak memainkan peranan bagi menjayakan hari sambutan tersebut. Bagi meneruskan sambutan tersebut, JAS Negeri Perak telah mengadakan program Pertandingan mewarna serta pameran sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2022 bagi mempromosikan dan menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan ozon dalam penghawa dingin kenderaan dan penggunaan bahan refrigeran seperti R11, R12 ,R22 dan lain-lain refrigeran seumpama ini yang mengandungi CFC dalam kehidupana seharian.



Rajah 51 Pertandingan Mewarna Peringkat Tadika Dan Sekolah Rendah

Jadual 13 Senarai program sempena sambutan Hari Ozon 2023 di Negeri Perak Darul Ridzuan

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Ozon	Tarikh	Tempat	Bilangan Penyertaan
1	Webinar promosi sekolah lestari-anugerah alam sekitar (slaas) kepada PPD dan sekolah negeri Perak	14-09-23	Digital Library Perak	200
2	Program pertandingan mewarna sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia	16-09-23	Aeon Mall Manjung	200
3	Pameran Sempena Hari Ozon Sedunia	16-09-23	Aeon Mall Manjung	500

3.5.1.7 SAMBUTAN PROGRAM PENGUMPULAN BEE / e-WASTE BERSAMA KERAJAAN NEGERI

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Rakan Strategik (RS) telah berjaya menganjurkan program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-Waste) sempena Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Perak bermula 15 Julai 2023 hingga 15 Oktober 2023 di seluruh Negeri Perak.

Program ini merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti yang sedang atau dijalankan dengan kerjasama Rakan Strategik (RS) bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak bagi tahun ini. Pelaksanaan program ini juga bagi merealisasikan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di negeri Perak.

E-waste dikategorikan sebagai buangan terjadual kod SW110, di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, melibatkan peralatan elektrik dan elektronik yang rosak, tidak digunakan atau lama/usang seperti telefon bimbit, komputer, televisyen, mesin basuh, peti ais dan pendingin hawa. Mengapa e-waste perlu di proses semula? E-waste mengandungi bahan toksik dan berbahaya seperti plumbum, raksa, arsenik, kadmium, selenium, kromium heksavalen dan penebat api yang berpotensi memberi kesan sangat serius kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

Oleh itu, inisiatif program kempen Pengumpulan E-Waste ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan pengurusan e-waste secara mesra alam dan lestari di setiap daerah pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Perak yang melibatkan penduduk setempat, institusi pengajian dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Kempen Kesedaran Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik (E-Waste) di seluruh Negeri Perak telah menjadikan Negeri Perak Darul Ridzuan diisytiharkan sebagai negeri yang tertinggi dalam kutipan E-Waste iaitu sebanyak 263 Tan bagi tahun 2023.


3.5.2 PENGAWASAN ALAM SEKITAR

3.5.2.1 PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP)


EQMP merupakan program yang merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, kualiti air sungai dan kualiti air marin di seluruh Malaysia bagi tujuan melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha untuk memantau, mencegah dan mengawal pencemaran. Sistem pengawasan EQMP berperanan sebagai mekanisma amaran awal bagi kejadian pencemaran alam sekitar seperti jerebu, tumpahan minyak, bencana industri dan pelupusan buangan haram toksik serta berbahaya. Ia juga boleh membantu pembuat dasar dan keputusan ke atas aktiviti penguatkuasaan JAS dan agensi berkaitan dalam menyediakan input kepada perancangan projek-projek pembangunan. Sepanjang tahun 2023, semua stesen-stesen pengawasan beroperasi membekalkan data kualiti alam sekitar kepada pihak JAS.

KOMPONEN / COMPONENT	STESEN AUTOMATIK / AUTOMATIC STATION	STESEN MANUAL / MANUAL STATION	STESEN BERGERAK / MOBILE STATION
Udara / Air	5	1	0
Air Sungai / River Water	2	150	0
Air Marin / Marine Water	1	19	0
Jumlah Stesen / Total No. of Stations	8	170	0


Jadual 14 Bilangan Stesen Pengawasan Alam Sekitar di Negeri Perak



Rajah 52 Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Udara, 2023



Rajah 53 Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Air Sungai 2023



Rajah 54 Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Air Marin 2023

Bagi stesen-stesen pengawasan kualiti alam sekitar manual, berikut adalah jumlah persampelan manual yang telah dijalankan bagi tahun 2023

KOMPONEN / COMPONENT	STESEN MANUAL / MANUAL STATION	FREKUENSI PERSAMPELAN / SAMPLING FREQUENCY	BILANGAN PERSAMPELAN / TOTAL NO. OF SAMPLING
Udara/ Air	1	Setiap 6 hari/ Every 6 days	141
Air Sungai/ River Water	150	6 kali setahun/ 6 times a year	900
Air Marin/ Marine Water	19	6 kali setahun/ 6 times a year	114

Jadual 15 Bilangan Persampelan Manual Tahun 2023

3.5.2.2 PROGRAM- PROGRAM YANG DIJALANKAN BERKAITAN PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH





Rajah 55 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen Tambun







Rajah 56 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Jalong





Rajah 57 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Jalong



Rajah 58 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Gopeng




Rajah 59 Persampelan Kualiti Air Tanah di stesen di Batu Gajah

3.5.2.3 PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN

Pada tahun 2023, terdapat 19 stesen pengawasan kualiti air marin bagi pantai, muara sungai dan pulau di negeri Perak sebagaimana dalam Rajah 60 Terdapat lapan (8) stesen pengawasan kualiti air marin bagi pantai, enam (6) stesen bagi kuala dan lima (5) stesen bagi pulau.

Pengukuran parameter-parameter bagi persampelan kualiti air marin di stesen yang ditetapkan dibuat secara in-situ dan analisa makmal. Persampelan kualiti air marin dijalankan secara berjadual dan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak enam (6) kali setahun. Terdapat sebanyak 29 parameter yang dijalankan analisis persampelan seperti dalam Jadual 16.



Rajah 60 Taburan Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin di Negeri Perak, 2023

BIL. / NO.	PARAMETER / PARAMETERS	KOD / CODE	UNIT / UNIT
PENGUKURAN IN-SITU / IN-SITU MEASUREMENTS			
1	Oksigen Terlarut / Dissolved Oxygen	DO	mg/l
2	pH	pH	-
3	Kemasinan / Salinity	Sal	ppt
4	Suhu / Temperature	Temp	°C
5	Kekeruhan / Turbidity	Turb	NTU
6	Konduktiviti / Conductivity	Cond	mS/cm
PENGUKURAN MAKMAL / LABORATORY MEASUREMENTS			
1	Jumlah Pepejal Terampai / Total Suspended Solid	TSS	mg/l
2	Minyak dan Gris / Oil and Grease	O&G	mg/l
3	Bebola Tar / Tarball	Tar	g/100m
4	Merkuri / Mercury	Hg	µg/l
5	Kadmium / Cadmium	Cd	µg/l
6	Kromium / Chromium	Cr^{6+}	µg/l
7	Kuprum / Copper	Cu	µg/l
8	Arsenik / Arsenic	As	µg/l
9	Plumbum / Lead	Pb	µg/l
10	Zink / Zinc	Zn	µg/l
11	Sianida / Cyanide	CN	µg/l
12	Ammonia Tidak Terion / Unionized Ammonia	NH_3	µg/l
13	Amoniakal Nitrogen / Ammoniacal Nitrogen	NH_3-N	µg/l
14	Nitrit / Nitrite	NO_2^-	µg/l
15	Nitrat / Nitrate	NO_3^-	µg/l
16	Fosfat / Phosphate	PO_4^{3-}	µg/l
17	Fenol / Phenol	Phenol	µg/l
18	Tributiltin / Tributyltin	TBT	µg/l
19	Total Coliform	TC	cfu/100
20	Faecal Coliform	FC	cfu/100
21	Escherichia coli	E. coli	cfu/100
22	Enterococci	-	cfu/100
23	Polycylic Aromatic Hydrocarbons	PAHs	µg/l

Jadual 16 Parameter Kualiti Air Marin 2

3.5.2.1 PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

Pengawasan kualiti air sungai meneruskan program pemantauan kualiti sungai pada 2023 untuk menentukan status kualiti air sungai dan untuk mengesan perubahan dalam kualiti air sungai. Sampel air dikumpulkan dari stesen yang ditetapkan untuk in-situ dan analisis makmal bagi menentukan ciri fizikal-kimia dan biologinya. Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk menunjukkan tahap pencemaran dan kesesuaian yang sesuai dari segi penggunaan air mengikut Standard Kualiti Air Negara (NWQS). IKA mengambil kira parameter oksigen terlarut (DO), keperluan oksigen biokimia (BOD), keperluan oksigen kimia (COD), ammoniakal nitrogen (NH3 -N), pepejal terampai (SS) dan pH.

Pada 2023, kualiti air sungai dinilai berdasarkan sampel yang diambil dari sejumlah 150 stesen pemantauan manual yang merangkumi lapan (8) lembangan sungai di negeri Perak seperti dalam Jadual 17. Persampelan kualiti air sungai dijalankan secara berjadual dan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan iaitu 6 kali setahun. Parameter-parameter kualiti air yang diukur merangkumi parameter fizikal, kimia dan biological seperti Jadual 18.

LEMBANGAN	SUNGAI	NO STN	LONGITUDE	LATITUDE
PERAK	Perak	1APRK001	100.868	3.959
PERAK	Bidor	1APRK002	101.042	4.014
PERAK	Batang Padang	1APRK003	101.087	4.018
PERAK	Bidor	1APRK004	101.131	4.000
PERAK	Bidor	1APRK005	101.288	4.110
PERAK	Batang Padang	1APRK006	101.261	4.193
PERAK	Sungkai	1APRK007	101.313	3.991
PERAK	Sungkai	1APRK008	101.124	3.987
PERAK	Batang Padang	1APRK009	101.145	4.135
PERAK	Sungkai Mati	1APRK010	101.097	3.975
PERAK	Sungkai Mati	1APRK011	101.141	3.935
PERAK	Chenderiang	1APRK012	101.240	4.258
PERAK	Chenderiang	1APRK013	101.218	4.231
PERAK	Klah	1APRK014	101.332	3.952
PERAK	Klah	1APRK015	101.336	3.952
PERAK	Klian Baru	1APRK016	101.275	4.161
PERAK	Klian Baru	1APRK017	101.273	4.156
PERAK	Perak	1APRK018	100.975	3.966
PERAK	Kinta	1APRK019	101.021	4.118
PERAK	Perak	1APRK020	100.930	4.181
PERAK	Pinji	1APRK021	101.139	4.610
PERAK	Kinta	1APRK022	101.157	4.669
PERAK	Pari	1APRK023	101.095	4.706
PERAK	Kinta	1APRK024	101.107	4.626
PERAK	Kinta	1APRK025	101.060	4.540
PERAK	Serokai	1APRK026	101.058	4.540
PERAK	Serokai	1APRK027	101.045	4.552
PERAK	Pari	1APRK028	101.070	4.583
PERAK	Tumboh	1APRK029	101.001	4.231
PERAK	Raia	1APRK030	101.137	4.534
PERAK	Kampar	1APRK031	101.164	4.375
PERAK	Kampar	1APRK032	101.099	4.336
PERAK	Kinta	1APRK033	101.073	4.327
PERAK	Kinta	1APRK034	101.044	4.465
PERAK	Raia	1APRK035	101.056	4.473
PERAK	Pinji	1APRK036	101.072	4.531
PERAK	Kepayang	1APRK037	101.012	4.840
PERAK	Kepayang	1APRK038	100.994	4.845
PERAK	Pelus	1APRK039	101.005	4.884
PERAK	Pelus	1APRK040	101.102	4.938
PERAK	Kerdah	1APRK041	101.095	4.909
PERAK	Kuang	1APRK042	101.121	4.731
PERAK	Kangsar	1APRK043	100.889	4.770
PERAK	Kangsar	1APRK044	100.916	4.770
PERAK	Perak	1APRK045	100.957	4.765
PERAK	Cuar	1APRK046	100.907	4.875
PERAK	Perak	1APRK047	101.174	5.448
PERAK	Perak	1APRK048	100.995	5.095
PERAK	Perak	1APRK049	100.874	4.356
PERAK	Seluang	1APRK050	100.912	4.353
PERAK	Perak	1APRK051	100.925	4.505
PERAK	Nyamok	1APRK052	101.094	4.867
PERAK	Kerdah	1APRK053	101.100	4.871
PERAK	Sintang	1APRK054	101.101	4.827
PERAK	Kinjang	1APRK055	101.254	4.299
PERAK	Chepor	1APRK056	101.075	4.704
PERAK	Kinta	1APRK057	101.055	4.509
PERAK	Kinta	1APRK058	101.082	4.278
PERAK	Perak	1APRK059	100.909	4.937
PERAK	Manong	1APRK060	100.856	4.605
PERAK	Woh	1APRK061	101.364	4.217
PERAK	Tesong	1APRK062	101.402	4.017
PERAK	Kinta	1APRK063	101.236	4.653
PERAK	Kerbau	1APRK064	101.203	4.828
PERAK	Perak	1APRK065	100.964	4.818
PERAK	Ibol	1APRK066	101.009	5.196
PERAK	Pulau	1APRK067	101.033	5.338
PERAK	Berok	1APRK068	101.132	5.530
PERAK	Perak	1APRK069	101.162	5.359
PERAK	Perak	1APRK070	100.935	4.180
PERAK	Perak	1APRK071	100.887	4.314
PERAK	Perak	1APRK072	100.884	4.407
PERAK	Sungkai	1APRK073	101.187	3.949
PERAK	Perak	1APRK074	100.902	4.382
PERAK	Sungkai	1APRK075	101.271	3.944
PERAK	Tapah	1APRK076	101.039	4.631

LEMBANGAN	SUNGAI	NO STN	LONGITUDE	LATITUDE
PERAK	Behrang	1APRK077	101.530	3.798
PERAK	Kerbau	1APRK078	101.174	4.907
PERAK	Kangsar	1APRK079	100.823	4.749
PERAK	Perak	1APRK080	101.213	4.455
PERAK	Klian Gunong	1APRK081	100.885	5.155
PERAK	Perak	1APRK082	101.211	5.426
PERAK	Teja	1APRK083	101.078	4.379
PERAK	Rui	1APRK084	100.952	5.500
PERAK	Rui	1APRK085	101.175	5.459
PERAK	Perak	1APRK086	101.346	5.554
SEPETANG	Sepetang	1ASPT001	100.664	4.909
SEPETANG	Malai	1ASPT002	100.684	4.899
SEPETANG	Sepetang	1ASPT003	100.713	4.936
SEPETANG	Jana	1ASPT004	100.664	4.832
SEPETANG	Batu Tegoh	1ASPT006	100.738	4.833
SEPETANG	Batu Tegoh	1ASPT007	100.732	4.842
SEPETANG	Lidin	1ASPT008	100.740	4.820
SEPETANG	Batu Tegoh	1ASPT009	100.701	4.831
SEPETANG	Temerloh	1ASPT010	100.713	4.640
SEPETANG	Temerloh	1ASPT011	100.691	4.641
SEPETANG	Batu Tegoh	1ASPT012	100.761	4.854
SEPETANG	Jana	1ASPT013	100.751	4.897
SEPETANG	Limau	1ASPT014	100.705	4.744
SEPETANG	Trong	1ASPT015	100.695	4.714
SEPETANG	Batu Tegoh	1ASPT016	100.763	4.866
SEPETANG	Trong	1ASPT017	100.753	4.693
SEPETANG	Nyior	1ASPT018	100.765	4.636
SEPETANG	Malai	1ASPT019	100.669	4.908
SEPETANG	Nyior	1ASPT020	100.714	4.618
KURAU	Ara	1AKRU001	100.789	5.033
KURAU	Kurau	1AKRU002	100.533	5.007
KURAU	Kurau	1AKRU003	100.602	4.977
KURAU	Kurau	1AKRU004	100.651	4.960
KURAU	Kurau	1AKRU005	100.731	5.012
KURAU	Ara	1AKRU006	100.853	5.091
KURAU	Air Hitam	1AKRU007	100.842	5.016
BRUAS	Bruas	1ABRU001	100.637	4.480
BRUAS	Rotan	1ABRU002	100.735	4.558
BRUAS	Rotan	1ABRU003	100.719	4.538
BRUAS	Bruas	1ABRU004	100.779	4.501
BRUAS	Bruas	1ABRU005	100.778	4.537
BRUAS	Dandang	1ABRU006	100.783	4.486
BRUAS	Licin	1ABRU007	100.784	4.547
KERIAN	Selama	1AKER011	100.691	5.220
KERIAN	Selama	1AKER012	100.695	5.219
KERIAN	Semang	1AKER013	100.530	5.086
KERIAN	Terusan Bagan Serai	1AKER015	100.544	5.013
KERIAN	Selama	1AKER016	100.855	5.261
RAJA HITAM	Manjong	1ARHT001	100.654	4.246
RAJA HITAM	Manjong	1ARHT002	100.668	4.294
RAJA HITAM	Raja Hitam	1ARHT003	100.689	4.376
RAJA HITAM	Derhaka	1ARHT004	100.697	4.364
RAJA HITAM	Raja Hitam	1ARHT005	100.706	4.381
RAJA HITAM	Derhaka	1ARHT006	100.695	4.366
SEPETANG	Nyior	1ARHT007	100.760	4.614
RAJA HITAM	Raja Hitam	1ARHT008	100.797	4.367
WANGI	Deralik	1AWGI001	100.698	4.243
WANGI	Deralik	1AWGI002	100.711	4.234
WANGI	Wangi	1AWGI003	100.728	4.258
WANGI	Wangi	1AWGI004	100.785	4.273
BERNAM	Bernam	1ABNM001	100.932	3.872
BERNAM	Bernam	1ABNM002	100.982	3.769
BERNAM	Bernam	1ABNM003	101.142	3.744
BERNAM	Bernam	1ABNM004	101.362	3.804
BERNAM	Bernam	1ABNM005	101.446	3.739
BERNAM	Bernam	1ABNM006	101.521	3.678
BERNAM	Slim	1ABNM007	101.372	3.811
BERNAM	Slim	1ABNM008	101.408	3.826
BERNAM	Trolak	1ABNM009	101.385	3.880
BERNAM	Trolak	1ABNM010	101.378	3.891
BERNAM	Slim	1ABNM011	101.498	3.748
BERNAM	Inki	1ABNM012	101.530	3.681
BERNAM	Trolak	1ABNM014	101.419	3.945
BERNAM	Gelinting	1ABNM015	101.504	3.904

Jadual 17 Senarai Lembangan Sungai dan Sungai-sungai yang dipantau, 2023

PARAMETER / PARAMETER	UNIT / UNIT
Oksigen Terlarut / Dissolved Oxygen (DO)	mg/l, % saturated
Keperluan Oksigen Biokimia / Biological Oxygen Demand (BOD)	mg/l
Keperluan Oksigen Kimia / Chemical Oxygen Demand (COD)	mg/l
Pepejal Terampai / Suspended Solid (SS)	mg/l
pH	unit
Ammoniacal Nitrogen (NH_3-N)	mg/l
Suhu / Temperature	°C
Konduktiviti / Conductivity	µS
Kemasinan / Salinity	ppt
Kekeruhan / Turbidity	NTU
Pepejal terlarut / Dissolved solids	mg/l
Pepejal / Total solids	mg/l
Nitrat / Nitrate (NO_3)	mg/l
Klorida / Chloride (Cl)	mg/l
Fosfat / Phosphate (PO_4)	mg/l
Arsenik / Arsenic (As)	mg/l
Merkuri / Mercury (Hg)	mg/l
Kadmium / Cadmium (Cd)	mg/l
Kromium / Chromium (Cr)	mg/l
Plumbum / Lead (Pb)	mg/l
Zink / Zinc (Zn)	mg/l
Kalsium / Calsium (Ca)	mg/l
Ferum / Ferum (Fe)	mg/l
Kalium / Potassium (K)	mg/l
Magnesium / Magnesium (Mg)	mg/l
Natrium / Sodium (Na)	mg/l
Minyak dan Gris / Oil and Grease (O&G)	mg/l
Methylene Blue Active Substances (MBAS)	mg/l
E-coli	cfu/100ml
Total Coliform	cfu/100ml

Jadual 18 Parameter-Parameter Pengukuran Kualiti Air Sungai

BIL	BASIN	SUNGAI	PURATA IKA	KELAS	STATUS
1	PERAK	MANONG	97	I	C
2	PERAK	CHEPOR	97	I	C
3	PERAK	PULAU	97	I	C
4	PERAK	TAPAH	97	I	C
5	BERNAM	INKI	97	I	C
6	PERAK	IBOL	97	I	C
7	PERAK	WOH	97	I	C
8	BRUAS	LICIN	97	I	C
9	PERAK	KLIAN GUNONG	97	I	C
10	RAJA HITAM	NYIOR	97	I	C
11	PERAK	BEHRANG	97	I	C
12	SEPETANG	TRONG	97	I	C
13	PERAK	TESONG	96	I	C
14	BERNAM	GELINTING	96	I	C
15	SEPETANG	NYIOR	96	I	C
16	BERNAM	TROLAK	96	I	C
17	PERAK	KINJANG	96	I	C
18	KURAU	AIR HITAM	96	I	C
19	SEPETANG	LIMAU	96	I	C
20	KURAU	ARA	96	I	C
21	BRUAS	DANDANG	95	I	C
22	PERAK	BEROK	95	I	C
23	PERAK	KERBAU	94	I	C
24	KERIAN	TERUSAN BAGAN SERAI	94	I	C
25	SEPETANG	TEMERLOH	94	I	C
26	PERAK	KANGSAR	93	I	C
27	PERAK	CUAR	92	II	C
28	BERNAM	SLIM	92	II	C
29	PERAK	PERAK	92	II	C
30	PERAK	CHENDERIANG	91	II	C
31	PERAK	RAIA	91	II	C
32	BRUAS	ROTAN	91	II	C
33	PERAK	KLAH	91	II	C
34	PERAK	KAMPAR	91	II	C
35	KERIAN	SELAMA	91	II	C
36	PERAK	BATANG PADANG	90	II	C
37	PERAK	SUNGKAI	90	II	C
38	SEPETANG	BATU TEGOH	90	II	C
39	BRUAS	BRUAS	89	II	C
40	PERAK	RUI	89	II	C
41	PERAK	PARI	88	II	C

BIL	BASIN	SUNGAI	PURATA IKA	KELAS	STATUS
42	RAJA HITAM	MANJONG	87	II	C
43	PERAK	PELUS	87	II	C
44	PERAK	KINTA	87	II	C
45	PERAK	BIDOR	86	II	C
46	PERAK	KUANG	86	II	C
47	SEPETANG	LIDIN	86	II	C
48	SEPETANG	JANA	85	II	C
49	KURAU	KURAU	85	II	C
50	PERAK	KEPAYANG	84	II	C
51	PERAK	SEROKAI	83	II	C
52	PERAK	KERDAH	83	II	C
53	BERNAM	BERNAM	82	II	C
54	PERAK	SUNGKAI MATI	82	II	C
55	PERAK	KLIAN BARU	82	II	C
56	PERAK	TEJA	80	II	SP
57	SEPETANG	SEPETANG	79	II	SP
58	WANGI	WANGI	78	II	SP
59	PERAK	PINJI	78	II	SP
60	PERAK	TUMBOH	76	III	SP
61	KERIAN	SEMANG	75	III	SP
62	SEPETANG	MALAI	74	III	SP
63	WANGI	DERALIK	73	III	SP
64	RAJA HITAM	DERHAKA	72	III	SP
65	PERAK	NYAMOK	69	III	SP
66	PERAK	SINTANG	66	III	SP
67	RAJA HITAM	RAJA HITAM	64	III	SP
68	PERAK	SELUANG	60	III	SP

Jadual 19 Data Indeks Kualiti Air(IKA) Sungai 2023

Terdapat 150 stesen pengawasan sungai di Negeri Perak yang terdiri daripada 68 batang sungai. Persampelan akan dijalankan sebanyak 6 kali setahun bagi setiap stesen. Secara purata, data indeks kualiti air sungai bagi tahun 2023 menunjukkan sebanyak 26 batang sungai terdiri dalam kelas I, 33 batang sungai terdiri dalam kelas II dan 9 batang sungai terdiri dalam kelas III.

Bagi status kualiti air sungai, 55 batang sungai berstatus bersih dan 13 batang sungai berstatus sedikit tercemar.

4. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

4.1 PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

96.20%
Pengisian Jawatan di JAS Perak sehingga 31.12.2023/ Occupancy of Doe Perak as 31 December 2023 Penjawatan / Position : 79 Pengisian / Occupancy : 76 Kekosongan / Vacancy : 3

Sebanyak 3 kekosongan jawatan di JAS Negeri Perak iaitu bagi jawatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38 (1) kekosongan, Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32 (1) kekosongan dan Penolong Jurutera Gred JA29 (1) kekosongan.

100.00%
Peratus Pegawai Menghadiri Kursus Bagi Tahun 2023 / Percentage of Officers Attending Courses in 2023 76 pegawai hadir kursus tujuh (4) hari dan lebih kursus bagi tahun *2023 / 76 Perak Doe staff attendin courses for seven (4) days or more in 2022*

Semua pegawai telah menghadiri kursus 4 hari setahun yang telah ditetapkan pada tahun 2023.

6 Orang / employees
Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 **Recipents of Excellent Service Award (APC) 2023**

6 orang penerima APC bagi tahun 2023

1) Encik Azrie Sham Rizal bin Awang
2) Ebcik Abdul Aziz bin Mohsid
3) Encik Nor Iman bin Md Nor
4) Encik Wan Mohd Fardley bin Wan Dollah
5) Puan Nor Haziroh binti Ramli
6) Puan Nor Rabiyah bin Ahmad Helmi

PENERIMA ANUGERAH PENCAPAIAN CEMERLANG
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK
TAHUN 2023




AZRIE SHAM RIZAL BIN AWANG
PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR
GRED C44 (M)



ABDUL AZIZ BIN MOHSID
PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR
GRED C32



NOR IMAN BIN MD NOR
PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR
GRED C29



WAN MOHD FARDLEY BIN WAN DOLLAH
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29



NOR HAZIROH BINTI RAMLI
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29



NOR RABIYAH BINTI AHMAD HELMI
PEMBANTU TADBIR (P/O)
GRED N22 (TBK1)

BILANGAN PEGAWAI MENGIKUT JANTINA / NUMBER OF OFFICERS BY GENDER	
Lelaki/ Male	47
Perempuan / Female	29

BILANGAN PENJAWATAN / NUMBER OF POSITION	
Pegawai Penguatkuasa / Enforcement Officer	61
Pegawai Gunasama / Common-Users Services	18

Bilangan pegawai lelaki JAS Perak lebih ramai berbanding pegawai perempuan iaitu 47:29

BILANGAN KUMPULAN PENJAWATAN NUMBER OF RECRUITMENT GROUP	
Pengurusan & Profesional / Menagement & Professionals	14
Pelaksana / Perfomer	65


Bilangan pegawai penguatkuasa di JAS Perak seramai 61 orang berbanding pegawai gunasama seramai 18 orang.

Bilangan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional di JAS Perak seramai 14 orang berbanding pegawai kumpulan pelaksana seramai 65 orang.

BILANGAN PEGAWAI JAS MENGIKUT SKIM/ NUMBER OF SKIM SKILL	
Sains / Science	41
Kejuruteraan / Engineering	20
Pentadbiran / Admintrative	7
Akaun / Accounting	2
Lain-lain/ Others	9

Pelbagai skim pegawai dan kakitangan JAS Perak antaranya skim sains 41 orang, skim kejuruteraan 20 orang, skim pentadbiran 7 orang, skim akaun 2 orang dan lain-lain skim 9 orang.





4.2 PENGURUSAN KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JAS PERAK 2023

PERUNTUKAN 2023 / BUGGET ALLOCATION IN 2023	PERBELANJAAN 2023/ EXPENDITURE IN 2023
411,633.60	411,626.40

JAS Perak pada 2023 telah menerima peruntukan sebanyak RM411.633.60 dan telah membelanjakan sebanyak RM411,626.40. Manakala prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 99.99%.

Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, sebanyak RM100,000.00 diperuntukan kepada Pembangunan Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu. Manakala sebanyak

RM311,633.60 diperuntukan bagi Perolehan dua (2) buah kenderaan Jabatan. Lain-lain peruntukan adalah bagi Program Kesedaran Alam Sekitar.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023

OBJEK AM / GENERAL OBJECT	PERIHAL OBJEK AM / DESCRIPTION OG GENERAL OBJECT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM) / ALLOCATION APPROVER	PERBELANJAAN 2023 / EXPENDITURE IN 2023
10000	Emolumen/ Emolument	5,204,598.52	5,200,708.19
20000	Perkhidmatan dan Bekalan / Services / Supplies	1,397,646.44	1,394,478.71
30000	Aset / Assets	2,460.00	2,460.00
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap / Grants dan Fixed Charges	TIADA	TIADA
JUMLAH KESELURUHAN /TOTAL		6,604,704.96	6,597,646.90

JAS Perak pada tahun 2023 telah menerima peruntukan di bawah vot Mengurus B33 sebanyak RM66,604,704.96 dan telah belanja sebanyak RM6,597,646.90. Manakala prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 99.89.

5. PENUTUP

Jabatan Alam Sekitar sentiasa berusaha dan bersedia bagi menjaga kelestarian alam sekitar melalui penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar sentiasa berusaha dan bersedia bagi menjaga kelestarian alam sekitar melalui Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang merupakan fungsi utama Jabatan Alam Sekitar sejak ditubuhkan. Bagi memastikan penguatkuasaan yang berterusan Jabatan Alam Sekitar sentiasa peka dalam merangka dalam menyusun strategi dan hala tuju tindakan penguatkuasaan serta sasaran pematuhan kepada pemain industri di Malaysia. Cabaran yang kita hadapi di Malaysia adalah seperti pencemaran, pengurusan sumber air yang tidak efisien, dan perubahan iklim semuanya menimbulkan ancaman terhadap terhadap kehidupan kita, isu-isu ini menuntut tindakan segera dari semua pihak. Hari Alam Sekitar Sedunia memberi platform untuk memahami dan menangani cabaran ini.

‘’Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama’’. Berikut adalah tema Hari Alam Sekitar Negara. Oleh yang demikian, marilah kita bersama sama berusaha meneruskan tanggungjawab dan amanah sebagai khalifah di muka bumi ini bagi memastikan kepelbagaian dan keseimbangan ekosistem dijaga dengan rapi dan kelestarian alam terus dipelihara.

Sekian, terima kasih.